

Cabaran Guru Dalam Pembinaan Sahsiah Murid Melalui E-Pembelajaran Pendidikan Islam

Teacher Challenges In Building Student Personality Through E-Learning Of Islamic Education

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim,¹ Nur Eliza Mohd Noor², Yusmini Md. Yusoff³

¹ Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia;

² Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia;

³ Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia;

Progres Artikel

Diterima: 01 Jun 2022

Disemak: 23 Julai 2022

Diterbit: 1 September 2022

*Perhubungan Penulis:
Tengku Sarina Aini Tengku
Kasim,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur,
Malaysia;
Email: tgsarina@um.edu.my

Abstrak: Pandemik Covid-19 yang melanda negara menjadikan e-pembelajaran di rumah sebagai alternatif kepada konsep pembelajaran secara tradisional di dalam kelas akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diarahkan oleh Perdana Menteri Malaysia bermula 18 Mac 2020. Situasi ini memberi cabaran baru kepada profesion perguruan dalam memastikan guru lebih bersedia dan efisien untuk meningkatkan pencapaian akademik yang baik di samping melahirkan murid yang memiliki sahsiah terpuji. Hal ini berikutan medium e-pembelajaran terpaksa digunakan oleh guru sepenuhnya sebagai alternatif pembelajaran bagi menggantikan sistem pembelajaran konvensional. Analisis terhadap kajian lepas menunjukkan cabaran teknologi serta globalisasi dalam proses pembelajaran memberi impak terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan berbentuk konseptual bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah dengan mengupas cabaran dan halangan yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam pada masa kini akibat pelaksanaan medium pengajaran dan pembelajaran secara tidak bersemuka. Selain itu, kajian ini akan melihat bagaimana usaha guru dalam membina sahsiah murid melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam. Justeru, kajian ini dapat memberi kefahaman kepada guru mengenai usaha dan peranan yang perlu dilakukan bagi membina sahsiah murid melalui platform e-pembelajaran. Hasil kajian mendapat bahawa peranan guru sebagai *murabbi* amat penting dalam memastikan matlamat e-pembelajaran Pendidikan Islam tercapai di samping keluarga yang merupakan pendidikan *informal* yang pertama bertindak sebagai pelengkap kepada pendidikan formal walaupun dilakukan secara tidak bersemuka.

Kata kunci: Pendidikan Islam, Pembinaan Sahsiah

Abstract: The Covid-19 worldwide pandemic resulted in an enforced method of e-learning at home as an alternative to the traditional concept of classroom learning. This is in conjunction to the Movement Control Order (MCO) as announced by the Prime Minister of Malaysia which started from March 18, 2020. The situation presents new challenges to the teaching profession in ensuring that teachers are more prepared and well-organized in efficiency to improve decent academic achievement in addition to produce students with remarkable attitudes. This is due to the e-learning medium had to be used by teachers entirely as learning alternative to replace the conventional learning system. Analysis of previous studies shows that challenges of technology and globalization in the learning process have an impact on students' character. Therefore, this study uses library research and conceptual method aims to discuss implementations of e-learning on Islamic Education in primary schools by examining the challenges faced among Islamic Education teachers today due to the implementation of virtual medium of teaching and learning. In addition, this study will look at teachers' efforts in building students' characters through e-learning of Islamic Education. Thus, the study can provide understanding to teachers regarding efforts and roles that should be taken in order to build character of students through e-learning platforms. The findings found that the role of teachers as *murabbi* is very important in ensuring that e-learning goals of Islamic Education can be achieved in

addition to acknowledging that family is the first agent of informal education to act as a complement towards formal education even as it is conducted virtually.

Keywords: Islamic Education, Character Building.

Pengenalan

Pandemik Covid-19 yang melanda negara telah membuka minda dan memberi perspektif baru terhadap pelaksanaan pendidikan menerusi internet dan jarak jauh (Berita Harian Online, (2020). Kebanyakan masyarakat mulai sedar bahawa kaedah pembelajaran maya adalah alternatif berkesan dalam menggantikan pembelajaran yang sebelum ini berlaku di dalam kelas. Menurut Zuraidah (Harian Metro, 2020), walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia sudah melatih guru-guru dengan pelbagai kaedah pembelajaran dalam talian, tetapi kaedah ini hanya bertindak sebagai alat atau bantu mengajar guru di dalam kelas kerana kaedah tersebut merupakan pilihan dalam pengajaran abad ke -21 semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Perubahan dalam sistem pendidikan yang melanda ini menjadi cabaran yang besar yang perlu dihadapi oleh para guru umumnya termasuklah guru Pendidikan Islam khususnya kerana belum pernah berlaku dalam sejarah peradaban manusia di mana guru tidak berada secara bersemuka dengan muridnya. Hal ini disebut di dalam akhbar Berita Harian (2020) yang menuntut agar seorang guru perlu memikirkan cara yang lebih kreatif bagi memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani walaupun proses pengajaran tidak berlaku secara fizikal dan bersemuka.

Pernyataan Masalah

Pengajaran Pendidikan Islam sering dikaitkan dengan pembinaan sahsiah kerana Pendidikan Islam menekankan elemen akhlak dalam pengajaran dan pembelajaran. Kenyataan ini disokong oleh (Tuah et al., 2012), yang menjelaskan bahawa maksud pendidikan itu sendiri tidak dapat dipisahkan daripada nilai-nilai akhlak dan moral.

Namun, ekoran daripada pandemik yang melanda negara, sistem pendidikan negara berubah secara drastik daripada pelaksanaan pembelajaran secara bersemuka kepada pelaksanaan e-pembelajaran atau pembelajaran dalam talian. Menurut Talib et al., (2017), medium pembelajaran agama sebelum ini yang telah lama diperaktikkan begitu menekankan adab berguru dan adab dalam menuntut ilmu yang dilihat amat berbeza dengan

media baharu kini yang berfungsi sebagai alat menyebarkan maklumat yang berkemungkinan menggantikan tugas seorang guru. Oleh itu, muncul beberapa isu utama yang menjadi cabaran melalui media baharu ini. Antaranya ialah, kemungkinan hilanglah adab berguru antara murid kepada gurunya yang selama ini amat ditekankan dalam Islam (Hamrah, 2011).

Walaupun sistem pembelajaran moden secara e-pembelajaran telah lama diperkenalkan dan ia dikaitkan juga dengan pembelajaran jarak jauh, pembelajaran atas talian atau pembelajaran sepanjang hayat (Mohd Nawi & Mohd Nor, 2020) atau pembelajaran kendiri (Najib et al., 2017), namun ia hanya sebagai alat bantu mengajar bagi melengkapkan pembelajaran secara bersemuka (Maziah, 2009, Adnan et. al., 2013; Hasibuan, 2016; Metro Online, 2020)

Antara isu yang timbul apabila pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam yang dilaksanakan sepenuhnya kini ialah berkaitan ruang yang secukupnya untuk para guru dan murid berinteraksi (Ahmad & Tamuri, 2010; Abadi, 2015). Dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, guru dan murid sepatutnya berinteraksi secara maksimum. Namun, pelbagai kekangan timbul daripada pelaksanaan e-pembelajaran terutama dari aspek pembinaan sahsiah murid yang sepatutnya berlaku di dalam kelas melalui pembelajaran subjek Pendidikan Islam secara bersemuka. Antara kekangan yang timbul adalah dari aspek komunikasi, interaksi, dan juga komitmen guru dalam mengawal murid semasa pembelajaran secara dalam talian berlaku. Menurut Hashim et al., (2020) kekangan yang berlaku dari aspek komunikasi guru dan pelajar adalah pelajar kurang memberi maklum balas ketika pengajaran dalam talian dilaksanakan sehingga menyebabkan guru sukar untuk mengetahui sejauh mana kefahaman pelajar mengenai mata pelajaran yang diajar ekoran tumpuan banyak diberikan kepada pelaksanaan kelas dalam talian tanpa wujudnya komunikasi secara lisan dengan pelajar. Sepatutnya bagi mencapai keberkesanan e-pembelajaran memerlukan interaksi yang maksimum daripada guru dan pelajar (Hartanto, 2016), namun sebaliknya berlaku apabila guru-guru hanya sekadar bertindak sebagai fasilitator sahaja dan bukan lagi sebagai sumber utama untuk murid mendapatkan pengetahuan (Syahfitri, et. al., 2020). Perkara ini disokong oleh Shahaimi & Khalid, (2015) yang menyatakan bahawa perbincangan dalam persekitaran maya telah menyebabkan gugurnya perhubungan secara fizikal dan ia memberi kesan kepada proses pembelajaran yang berlaku kerana tiada

pengawasan secara langsung dari pihak guru secara bersemuka. Justeru, kajian ini akan membincangkan bagaimana pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dengan mengupas cabaran dan halangan yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam pada masa kini apabila terpaksa menggunakan medium pengajaran dan pembelajaran secara tidak bersemuka atau melalui medium e-pembelajaran. Selain itu, kajian ini akan melihat bagaimana usaha guru dalam membina sahsiah murid melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi kefahaman kepada guru mengenai usaha dan peranan yang perlu dilakukan bagi membina sahsiah murid melalui platform e-pembelajaran.

Metodologi Kajian

Kertas kerja ini merupakan penulisan kajian literatur dan tidak melibatkan kajian lapangan. Justeru, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan berbentuk konseptual. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan bagaimana pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah dengan mengupas cabaran dan halangan yang terpaksa dihadapi oleh guru Pendidikan Islam pada masa kini di mana medium pengajaran dan pembelajaran tidak lagi secara bersemuka. Selain itu, kajian ini juga akan mengupas bagaimana usaha-usaha yang telah dilakukan oleh para guru dalam membina sahsiah murid melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam.

Pendidikan Dari Perspektif Islam

Maksud pendidikan secara umumnya merujuk kepada satu proses membangunkan manusia ke arah kesempurnaan dalam seluruh aspek kehidupannya sama ada dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek serta mengembangkan usaha-usaha bagi meningkatkan potensi individu secara menyeluruh (Tuah et al., 2012; Musayyidi & Rudi, 2020). Islam sangat mementingkan pendidikan kerana keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek tidak dapat dicapai sekiranya Pendidikan Islam ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna (Zainal & Mustari, 2012). Pendidikan juga membawa maksud bimbingan yang dilakukan oleh seorang dewasa kepada anak-anak untuk memberikan pengajaran, memperbaiki moral dan melatih intelektual sama ada secara formal atau tidak formal melalui keluarga dan masyarakat (Sholichah, 2018). Proses pendidikan tidak semestinya murid perlu hadir ke sekolah dan berjaya dalam akademik semata-mata, tetapi ia juga melibatkan pembentukan sahsiah mereka (Mohd Noor & A Shukor, 2020).

Istilah pendidikan dalam konteks Islam pada umumnya merujuk pada istilah *al-tarbiyah*, *al-ta'dib*, *al-*

ta'lim, dan *al-tadris* yang masing-masing mempunyai perkaitan dari segi unsur kandungannya iaitu memelihara dan mendidik anak-anak (Ma'zumi et al., 2019). Daripada istilah-istilah tersebut, istilah yang sering digunakan dalam amalan Pendidikan Islam ialah istilah *al-tarbiyah* (Widiani, 2018; M.Imamudin et.al., 2020). Justeru, pendidikan dari perspektif Islam memainkan peranan yang penting dalam melahirkan insan yang berakhhlak dan bermoral. Oleh itu, Pendidikan Islam pada dasarnya merupakan ilmu dalam membina dan mengembangkan potensi manusia, agar bertepatan dengan tujuan manusia dilahirkan ke dunia untuk menjadi khalifah dan hamba Allah di muka bumi (Daud, 2019; Afrilia & Indriya, 2020).

Pendidikan dan Pembinaan Sahsiah Individu

Konsep Pendidikan Islam menuntut kepada pembinaan seluruh potensi yang ada pada diri manusia meliputi rohani, intelek, emosi dan jasmani serta beberapa aspek yang berkaitan dengannya yang berdasarkan kepada pedoman al-Quran dan al-Sunnah bagi melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT (Nordin & Aini, 2002). Menurut Soetari, (2014) pendidikan merupakan mekanisme sesebuah institusi yang dapat membentuk pembinaan karakter sesuatu bangsa. Begitu juga tujuan Pendidikan Islam menurut Amin, (2019), iaitu untuk membentuk keperibadian diri yang mampu mempamerkan tingkah laku mulia melalui metode pembelajaran yang tepat dan sesuai.

Pembinaan sahsiah melalui Pendidikan Islam boleh dilihat dalam matlamat Pendidikan Islam iaitu untuk melahirkan individu yang beradab dan berakhhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah agar dapat menyumbang kepada bangsa dan negara (Tamuri et al., 2012). Ini bertepatan dengan definisi Pendidikan Islam yang dapat disimpulkan sebagai bimbingan yang dilakukan oleh seseorang individu kepada anak didik agar memiliki keperibadian seorang muslim (Lubis & Anggraeni, 2019). Jika dilihat pendidikan dalam konteks seorang guru, mereka bukan sahaja perlu menyampaikan ilmu semata-mata bahkan perlu memiliki tanggungjawab membangunkan modal insan para pelajar seperti yang ditutut dalam perkataan pendidikan itu sendiri (Mohamed et al., 2016).

Rumusannya, jika dilihat dari aspek konsep pendidikan, matlamat pendidikan tidak dapat dipisahkan dengan pembinaan sahsiah seseorang murid. Justeru, walau apa jua bentuk platform menyampaikan pendidikan itu digunakan sekalipun, guru-guru tidak harus mengabaikan aspek pembinaan sahsiah murid kerana ia menjadi matlamat utama pendidikan, terutama bagi Pendidikan Islam.

E-pembelajaran Pendidikan Islam

Guru Pendidikan Islam boleh mengimplementasikan pelbagai kaedah dalam menyampaikan isi kandungan subjek Pendidikan Islam semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dijalankan (Zainal & Mustrai, 2012). Guru boleh menggabungkan beberapa kaedah yang bersesuaian agar dapat menjadikan penyampaian subjek Pendidikan Islam lebih menarik dan berkesan agar setiap murid mendapat kefahaman yang sebaiknya dalam mempelajari Pendidikan Islam yang amat menekankan pembinaan sahsiah murid hasil daripada pembelajarannya. Justeru itu, guru perlu meningkatkan kemahiran dalam menggunakan serta memanfaatkan penggunaan teknologi sepenuhnya seperti kemahiran berhubung dan berkomunikasi dengan murid semasa pelaksanaan e-pembelajaran agar interaksi guru dan murid dapat berlaku dengan maksimum (Ibrahim, et. al., 2017). Hal ini kerana pelaksanaan e-pembelajaran sepenuhnya masih baharu dalam sistem pendidikan di Malaysia dan ia merupakan suatu inovasi yang perlu dimanfaatkan sebaiknya agar ia dapat diterima dengan baik oleh semua individu (Nurdin, 2016).

Menurut Asiah (2016) konsep e-pembelajaran ini sepatutnya lebih memudahkan dan membantu proses pembelajaran, namun melalui kajiannya ke atas perlaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam didapati terdapat beberapa halangan dan cabaran apabila menggunakan e-pembelajaran iaitu dari segi tahap profesionalisme guru dalam mengendalikan e-pembelajaran, kemudahan prasarana yang tidak mencukupi; tahap pembelajaran kendiri yang rendah di kalangan murid; peruntukan waktu yang terhad; dan juga beberapa mata pelajaran didapati sukar untuk menggunakan aplikasi e-pembelajaran kerana memerlukan praktikal dan amali secara langsung atau bersemuka di dalam kelas agar lebih berkesan. Selain itu, fungsi guru tidak lebih sebagai fasilitator sahaja. Proses pengajaran dan pembelajaran di rumah yang menggunakan medium e-pembelajaran semasa pandemik Covid-19 melanda ini dilihat semakin membebankan ibu bapa yang terpaksa membantu pembelajaran anak di rumah di samping penguasaan internet yang kurang dan kuota internet yang bertambah (Syahfitri et.al., 2020). Tambahan pula, wujudnya kesangsian mengenai platform apakah yang paling sesuai dalam melaksanakan PdP secara atas talian dan kebanyakan guru menggunakan secara cuba jaya sahaja (Hashim et al., 2020). Tambahan pula dapatan daripada Ahmad & Tamuri (2010) sebelum ini menunjukkan pengaplikasian terhadap bantu mengajar berdasarkan teknologi multimedia dalam proses pengajaran adalah rendah. Justeru, bagaimana pelaksanaan e-pembelajaran yang berdasarkan teknologi multimedia akan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Hasibuan (2016), media pembelajaran merupakan alat bantu mengajar baik yang dapat digunakan sama ada di dalam kelas ataupun di luar kelas. Oleh itu, perkara utama yang perlu dititik beratkan adalah aspek pengetahuan guru mengenai teknologi yang perlu digilap dari masa ke masa seperti meningkatkan tahap kompetensi mereka dalam memanfaatkan media pembelajaran kerana teknologi berpotensi besar dalam memajukan serta mengembangkan kaedah belajar dan mengajar dalam sesebuah sistem pendidikan (Ahmad & Tamuri, 2010; Zazin et al., 2019). Di samping meningkatkan kompetensi guru, perkara yang perlu dititik beratkan juga adalah kreativiti guru dan tingkah laku guru pendidikan Islam kerana ia juga turut memberikan sumbangan dalam meningkatkan kecemerlangan prestasi akademik pelajar dan juga pembinaan sahsiah pelajar (Abdul Jamir et al., 2012). Hal ini kerana Pendidikan Islam tidak menolak kemajuan teknologi bahkan menerima teknologi seperti filem, komputer, televisyen dan seumpamanya sebagai media dalam perlaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam usaha memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dengan pelaksanaan e-pembelajaran bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia sememangnya akan wujud cabaran sama ada dari aspek prasarana dan masalah teknikal dalam pelaksanaannya maupun aspek kemahiran dalam melaksanakannya. Namun, cabaran ini perlu disahut kerana menjadi seorang guru yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran lumrahnya bukanlah suatu perkara yang mudah. Semuanya adalah bergantung kepada gaya pengajaran yang dilaksanakan oleh seseorang guru (Mohamed et al., 2016). Inovasi perlu dilakukan bersesuaian dengan perkembangan teknologi, perubahan budaya dalam masyarakat, budaya pelajar serta perkembangan psikologi pelajar-pelajar yang sentiasa memerlukan perubahan seiring dengan perkembangan zaman (Tamuri & Nor, 2015).

E-pembelajaran dan Pembinaan Sahsiah

Penyebaran maklumat berlaku dengan sangat pantas dan cepat dalam era globalisasi kini. Begitu juga maklumat berkenaan Islam juga boleh diperoleh di hujung jari dan dengan kadar segera. Menurut Zazin et al. (2019) dan juga Mohd Nawi (2020), pemanfaatan media sosial sebagai media pembelajaran agama Islam adalah relevan kerana generasi yang lahir pada awal 2000an merupakan generasi yang terdedah kepada perkembangan media sosial yang pesat. Justeru perkara ini membuatkan generasi ini tidak mungkin dididik hanya menggunakan kaedah pendidikan konvensional. Penggunaan media sosial tidak dapat dihindari oleh generasi muda masa kini meskipun mereka dilarang untuk melayarinya. Oleh itu,

para pendidik harus mengambil peluang untuk bersama-sama membimbangi generasi ini menggunakan media dengan cara yang betul terutama dari aspek pembelajaran agama Islam mereka. Beberapa usaha telah dilakukan bagi membendung masalah dan isu yang timbul daripada globalisasi salah satunya adalah pembinaan Modul Pendidikan Akhlak. Ia diharapkan dapat menjadi solusi alternatif di samping kurikulum dalam menghadapi isu dan cabaran globalisasi seiring dengan hasrat transformasi dalam pendidikan menuju ke status negara maju (Jalal & Kassim, 2016).

Pelaksanaan e-pembelajaran ini mewujudkan kesan sampingan yang positif dan juga negatif. Walaupun ia memberi kesan dari aspek positif, iaitu murid-murid dapat mengakses pembelajaran di mana sahaja dan pada bila-bila masa, namun dari aspek negatif tidak boleh dinafikan terus. Ia perlu diberi perhatian kerana pembelajaran secara dalam talian hanya membataskan tugas guru sekadar memindahkan pengetahuan sahaja dan guru-guru tidak mampu melihat sejauh mana mata pelajaran yang diajar mempengaruhi tingkah laku pelajar (Ramdani et al., 2018). Anak-anak berkemungkinan menjadi ketagihan dengan gajet dan secara tidak langsung memberi kesan kepada aspek tingkah laku mereka seandainya pendidikan keagamaan yang diberikan juga tidak semaksimum mungkin melalui subjek Pendidikan Islam yang diajar (Syahfitri et. al., 2020). Selain itu, guru-guru sukar untuk memastikan sama ada tugas yang diberikan kepada murid disiapkan daripada hasil usahanya sendiri atau murid tersebut meminta bantuan orang lain untuk menyiapkan tugas tersebut (Shahaimi & Khalid, 2015).

Pengaruh internet telah mendedahkan remaja atau pelajar kepada apa sahaja pengaruh yang ada di seluruh dunia. Perkara ini memberi kesan kepada persepsi dan tanggapan mereka terhadap banyak perkara yang mungkin berbeza dengan generasi yang terdahulu. Didapati sebanyak 70 peratus pelajar sekolah terlibat dalam pelbagai jenis penyalahgunaan internet dan kebanyakan remaja yang terlibat menganggap ia adalah perkara biasa dan bukan suatu kesalahan (Shaari & Kamaluddin, 2019). Justeru, keluarga dan ibu bapa perlu mengambil peranan bersama dalam membantu anak-anak mengakses e-pembelajaran bagi mengelakkan berlaku penyelewengan yang mengakibatkan berlaku gejala keruntuhan akhlak (Islamy & Istiani, 2020).

Selain itu, sikap kendiri seseorang pelajar juga perlu diambil kira kerana ia mempengaruhi keberkesanannya pembelajaran secara e-pembelajaran (Najib et al., 2017). Murid-murid di peringkat sekolah rendah sentiasa memerlukan bimbingan daripada ibu bapa atau guru dalam melaksanakan e-pembelajaran kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai gajet atau komputer sendiri malah kurang pengetahuan dalam melayari teknologi internet. Perkara ini menjadi kerisauan apabila dalam

situasi pandemik covid-19, kebanyakan ibu bapa pula bekerja daripada rumah. Justeru, ibu bapa sibuk dengan urusan kerja sehingga kurang memberi perhatian terhadap urusan pembelajaran anak-anak (Shahaimi & Khalid, 2015). Oleh itu, perlunya sistem sokongan atau komuniti yang membantu pembelajaran atas talian agar ia mencapai matlamat pembelajaran (Hurley, 2001). Perkara ini menjadi kerisauan kerana murid-murid di peringkat rendah mudah terpengaruh dengan pelbagai aplikasi teknologi zaman sekarang dan sekiranya tiada kawalan akan mengakibatkan kelalaian seterusnya mempengaruhi pembentukan sifat-sifat. Hal ini kerana menurut Asiah (2016), melalui penerapan e-pembelajaran, tidak semua murid dapat belajar secara kendiri. Ditambah pula dengan hasil dapatan daripada Ab Rahman et.al. (2015) yang menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam tidak meletakkan penggunaan teknologi maklumat sebagai pilihan utama untuk meningkatkan kefahaman murid.

Cabarlan Guru dalam Pelaksanaan E-pembelajaran Pendidikan Islam

Ahmad (2006) menyatakan bahawa untuk berubah daripada persekitaran pembelajaran tradisional kepada persekitaran pembelajaran baharu sememangnya sukar dan ia merupakan satu cabaran dalam anjakan paradigma. Sepatutnya perkembangan dan kemajuan teknologi yang dihasilkan memberi impak yang positif dalam menyusun atur kehidupan manusia dan mempermudah kehidupan di muka bumi ini (Talib et al., 2017). Justeru itu, cabaran atau halangan yang dihadapi memerlukan kemahiran, kepakaran, dan kecekapan guru Pendidikan Islam untuk mengendalikan setiap isu yang timbul (Jasmi, 2011).

Dari segi cabaran pelaksanaan e-pembelajaran, walaupun guru Pendidikan Islam tidak terkecuali daripada menggunakan internet dalam pengajaran mereka sebelum ini, namun ia adalah sebagai sumber dalam penyediaan bahan bantu mengajar bukan sebagai medium pengajaran (Ilias et al., 2016). Selain itu, menurut (Jasmi, 2011), antara cabaran dan permasalahan yang melibatkan guru Pendidikan Islam di alaf baharu ialah kualiti penggunaan ICT di samping kualiti lain yang diperlukan seperti kualiti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran sama ada penguasaan ilmu dan tahap profesionalisme guru serta personaliti guru.

Perubahan sistem pendidikan konvensional kepada sistem pembelajaran maya akibat pandemik Covid -19 yang melanda menjadi cabaran kepada guru Pendidikan Islam dalam memastikan aspek pembinaan sifat-sifat tidak ketinggalan di samping aspek kecemerlangan akademik. Jika sebelum ini, sekolah menjadi tempat untuk membentuk sifat-sifat murid, namun disebabkan guru-guru hanya dapat memantau dari jauh sahaja, peranan itu terpaksa diambil alih oleh ahli

keluarga atau kedua ibu bapa murid (Afrilia & Indriya, 2020; Islamy & Istiani, 2020). Menurut Shahaimi & Khalid (2015), tahap penggunaan pembelajaran secara maya dalam kalangan ibu bapa, pelajar dan guru masih di tahap yang rendah sedangkan bagi memantapkan persekitaran pembelajaran maya perlu ada akses dan capaian yang tinggi daripada ahli. Iriani (2019) juga menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam itu masih kurang kreatif dalam memanfaatkan media pembelajaran. Justeru, perkara ini amatlah membimbangkan kerana keberkesanan perlaksanaan e-pembelajaran bergantung kepada interaksi yang maksimum daripada guru dan murid (Hartanto, 2016).

Dalam konteks e-pembelajaran Pendidikan Islam, cabaran utama yang dihadapi adalah perlaksanaan e-pembelajaran itu sendiri dalam dunia pendidikan (Amiruddin, 2019). Ini bertepatan dengan (Jasmi, 2011), yang mengutarakan isu dan cabaran Pendidikan Islam di alaf baru adalah isu akhlak, disiplin dan agama. Cabaran yang paling utama perlu ditangani oleh guru-guru Pendidikan Islam adalah cabaran yang melibatkan sahsiah dan disiplin pelajar. Hal ini kerana masalah tingkah laku dalam kalangan pelajar merupakan satu cabaran kepada negara yang sedang mengorak langkah ke arah kemajuan dan kepesatan pembangunan (Lukman Hakimi, 2014). Beberapa kajian berkenaan cabaran guru Pendidikan Islam dalam membentuk personaliti dan akhlak telah dijalankan dan mendapat cabaran teknologi maklumat serta globalisasi merupakan cabaran besar kepada guru Pendidikan Islam dalam pembinaan sahsiah pelajar (Razak et al., 2016; Firdaus et al., 2016; Ahmad & Kasim, 2017; Talib et al., 2017).

Selain itu, terdapat beberapa cabaran Teknologi Maklumat Komunikasi ini ke atas dunia pendidikan antaranya ialah berlaku perubahan cara bekerja daripada cara konvensional kepada budaya kerja terkini sesuai dengan kecanggihan teknologi (Mohd Nawi, 2020). Guru yang tidak dapat menguasai atau tidak pro-aktif dalam penggunaan teknologi akan ketinggalan seterusnya akan melemahkan aktiviti dakwah dalam pendidikan Islam khususnya. Hal ini kerana internet memainkan peranan yang dominan dalam pembelajaran atas talian dan murid tidak hanya bergantung kepada tenaga pengajar untuk mendapatkan maklumat (Zainab et.al., 2019).

Berikutnya cabaran yang disebutkan di atas, hal ini tidak boleh dipandang remeh kerana jika dilihat dari segi keberkesanan perlaksanaan e-pembelajaran itu menuntut agar seorang guru itu lebih kreatif terutama dalam memilih media yang lebih sesuai untuk diterapkan selain beberapa aspek lain yang perlu diberi perhatian iaitu mata pelajaran yang akan disampaikan, situasi kelas dan kemudahan prasarana. Sekiranya guru Pendidikan Islam tidak dapat mendepani halangan dan cabaran tersebut, maka proses e-pembelajaran mungkin tidak akan mencapai matlamat objektif pengajaran dan

pembelajaran secara sepenuhnya. Seterusnya, matlamat Pendidikan Islam untuk membina sahsiah atau akhlak juga tidak akan tercapai.

Kepentingan dan Peranan Guru Dalam Pembinaan Sahsiah Murid

Peredaran masa telah membawa perubahan kepada fungsi dan peranan guru daripada peranan guru sebelum ini yang hanya bertindak sebagai penyampai atau pemindah ilmu pengetahuan sahaja kepada pelajar kepada peranan yang lebih efektif iaitu bukan sekadar sumber utama pengetahuan bahkan sebagai pemudah cara dalam pengajaran dan pembelajaran, agen perubahan dan sumber maklumat kepada pelajar serta berperanan sebagai fasilitator dan juga pemudah cara dalam membantu meningkatkan potensi pelajar (Ahmad & Tamuri, 2010; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Peranan sebagai seorang guru merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang amat besar yang harus dipikul sebagai seorang pendidik anak bangsa (Nordin & Othman, 2008; Kasmin et al., 2019). Antara tugas yang perlu dipikul bukan sekadar menyampai ilmu pengetahuan, bahkan guru perlu merancang dan mengurus pembelajaran, mengembang kemahiran, membentuk keperibadian, membimbing dan memberi motivasi, dan juga sebagai contoh teladan kepada pelajar. Selain itu, tanggungjawab guru bukan sahaja melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, malah perlu sentiasa mengambil berat kebajikan pelajar di rumah sama ada mereka mempraktikkan atau tidak hasil pembelajaran di rumah agar pelajar dapat menjalani kehidupan yang seimbang, seiring dengan harapan KPM yang menyasarkan pendidikan yang berkualiti (Hashim et al., 2020).

Ketika cabaran dan masalah dalam pendidikan yang semakin banyak, guru juga berperanan sebagai penyelidik (Tamuri et al., 2012). Masalah yang timbul dalam pengajaran dan pembelajaran, disiplin, dan pengurusan menjadi faktor yang mengerakkan pendidik menjalankan kajian. Tindakan daripada pendidik akan menjadi titik tolak usaha murni bagi mencari penyelesaian masalah pelajar melalui kajian yang saintifik (Sulaiman, 2012). Komitmen dan semangat yang tinggi daripada para pendidik dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan adalah dituntut agar pelajar yang dilahirkan akan menjadi manusia yang menyumbang kepada modal insan yang cemerlang (Firdaus et al., 2016). Selain itu, guru Pendidikan Islam juga harus mengorak langkah dengan menerima perubahan atau melakukan anjakan paradigma dalam usaha menjadikan e-pembelajaran diterima secara positif dan melaksanakan pedagogi yang bersesuaian mengikut situasi masa kini (Hashim et al., 2020).

Kesimpulan

Berdasarkan aspek yang disebutkan ini, bagi mendepani cabaran dalam pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam, peranan dan tanggungjawab guru Pendidikan Islam sebagai seorang pendidik amatlah besar dalam membina sahsiah murid. Selain daripada kemahiran dalam teknologi yang diperlukan, kesungguhan dan komitmen yang jitu daripada barisan pendidik dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah dituntut agar murid yang dilahirkan menjadi modal insan yang memiliki sahsiah yang terpuji di samping akademik yang cemerlang. Guru Pendidikan Islam perlu meningkatkan keupayaan dan pengetahuan mengenai media dan teknologi agar pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam mencapai matlamatnya. Selain itu, sokongan daripada ibu bapa amatlah penting bagi memastikan murid dapat sama-sama memanfaatkan e-pembelajaran dengan sebaiknya dan berkualiti lebih-lebih lagi murid di peringkat rendah yang memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar. Hal ini kerana, masa murid lebih banyak berada di samping keluarga. Maka, kerjasama antara guru dan ibu bapa amatlah diperlukan bagi membina keperibadian dan sahsiah murid.

Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya kerana telah menyokong penyelidikan ini. Kertas kerja ini merupakan hasil daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Khas Penyelidikan (GKP) UMG005L-2021.

Rujukan

- Abadi, G. F. (2015). Inovasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Berbasis E-Learning. *Tasyri'; Jurnal Tarbiyah dan Syari'ah Islamiyah*, 22(2) 127-138.
- Abdul Jamir, M. S., Ab. Halim, T., & A'dawiyah, I. (2012). Pembelajaran Aktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam. *Jurnal IPG Kampus Pendidikan Islam*, 1–22.
- Ab Rahman, H., Zainal, N., & Ab Karim, N. A. (2015). Keberkesan Penggunaan ICT di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur. *International Conference on Information Technology & Society*. 238-252.
- Adnan, A., Din, R., Hassim, M. S. M, Hassan, H. (2013). Cabaran dalam Pelaksanaan e-Pembelajaran bagi Program Pensiswazahan Guru (PPG). *Jurnal Penyelidikan Tempawan*.13-23.
- Afrilia, H., & Indriya, I. (2020). Internalisasi Pendidikan Karakter Islami Anak di tengah Pandemi Covid-19. *Al-Fikr: Jurnal Pendidikan Islam*. 6, (2) 46-52. <https://doi.org/10.32489/alfikr.v6i2.73>
- Ahmad, A. A., & Kasim, T. S. A. T. (2017). Permasalahan dan Cabaran Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam Membentuk Personaliti dan Akhlak Pelajar: Satu Analisis Secara Kritis. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southwest Asia 2017.1*(15).
- Ahmad, K. (2006). Membina Proses E-Pembelajaran Satu Anjakan Paradigma. *Seminar ICT Guru*, Institut Perguruan Temenggong Ibrahim Johor Bahru.
- Ahmad, S. F. & Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia Dalam Pengajaran J-QAF. *Journal Of Islamic And Arabic Education. Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53-64.
- Amin, F. (2019). Pembentukan Karakter Melalui Pendidikan Agama Islam. *Tadris : Jurnal Penelitian dan Pemikiran Pendidikan Islam*. 12(2), 33-45. <https://doi.org/10.51675/jt.v12i2.22>
- Asiah, N. (2016). Inovasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Melalui E-Learning di SMA Budaya Bandar Lampung. *Jurnal Mudarrisuna*. 6(1), 77–101.
- Berita Harian Online. (2020). Tempoh PKP Peluang IPT Maju Pembelajaran Maya. <http://www.bharian.com.my>
- Berita Harian Online. (2020). Covid 19: Pendidikan Menerusi Dunia Maya Cabaran Baharu Buat Guru. <http://www.bharian.com.my>
- Daud, Z. A.. (2019). Konsep Pendidikan dalam Islam. *Rausyan Fikr*. 15(2), 65-96. ISSN. 1979-0074.
- Firdaus, A., Noor, M., Jasmi, K. A., Shukor, K. A., Pensyarah, P., & Islam, P. (2016). Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *E-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 50–61.
- Hamrah, S. Z. (2011). Ontological Investigation of the Role of Internet in Religious Education. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 29, 1740-1749. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.11.420>
- Harian Metro Online. (2020). PKP Anjakan Kaedah Pendidikan Maya. <http://www.h.metro.com.my>
- Hartanto, W. (2016). Penggunaan E-Learning Sebagai Media Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Ekonomi*. 10(1), 1-15.
- Hashim, F., Rosli, F. F., & Elias, F. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dan Impaknya Terhadap Guru Novis Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 3, (4) 151-162 e-ISSN: 2600-9080

- Hasibuan, N. (2016). Pengembangan Pendidikan Islam dengan Implikasi Teknologi Pendidikan. *FITRAH: Jurnal Kajian Ilmu-Ilmu Keislaman*, 1(2), 189. <https://doi.org/10.24952/fitrah.v1i2.313>
- Hurley, J. (2001). Supporting On-Line Learning. *Managing On-Line Learning Series*. 10(2), 116.
- Iberahim, A. R., Mahamod, Z., Mohammad, W. M. R. W. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 7(2), 77-88.
- Ilias, M. F., Abdullah, M., Husain, K., Jasmi, K. A., Abdullah, A. H., & Rosman, A. S. (2016). Sumber Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Bestari. *E-Academia Journal UiTMT*. 5(2), 106-114. <http://journale-academiauitmt.edu.my>
- Iriani, F. (2019). Kreativitis Guru Pendidikan Agama Islam dalam Pemanfaatan Media Pembelajaran & Kemampuan Siswa dalam Memahami Materi PAI di Sekolah Dasar. *DAYAH: Journal of Islamic Education*. 2(2). 168-181.
- Islamy, A., & Istiani, N. (2020). Aktualisasi Nilai-nilai Profetik dalam Pendidikan Keluarga di Tengah pandemik Covid-19. *Jurnal Dakwah dan Pengembangan Sosial Kemanusiaan*. 11(2), 169-187. <https://doi.org/10.32923/maw.v1i2.1460>
- Jalal, F. H. A. & Kassim, N. F.. (2016). Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Modul Pendidikan Akhlak: Isu dan Cabaran Masa Kini. *Seminar Penyelidikan Kebangsaan: Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Jasmi, K. A. (2011). Pendidikan Islam: Cabaran di Alaf Baru. *Kertas Kerja Seminar Pendidikan Islam*. Madrasah Idrisiyyah, Kuala Kangsar, Perak http://eprints.utm.my/41072/2/KamarulAzmiJasmi_2011_PendidikanIslamCabar_anAlafBaru.pdf
- Kasmin, R., Baharan, M. F., Mohsin, N., Kila, N., & Hassan, M. A. (2019). Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Kebangsaan. *Journal Of Management And Operation Research*, 1(4), 1-23.
- Lubis, Z., & Anggraeni, D. (2019). Paradigma Pendidikan Agama Islam di Era Globalisasi Menuju Pendidik Profesional. *Jurnal Online Studi Al-Qur'an*. 15(1), 133-153. <https://doi.org/10.21009/jsq.015.1.07>
- Ma'zumi, M., Syihabudin, S., & Najmudin, N. (2019). Pendidikan Dalam Perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah: Kajian Atas Istilah Tarbiyah, Taklim, Tadris, Ta'dib dan Tazkiyah. *Indonesian Journal of Islamic Education*. 6(2), 194-209. <https://doi.org/10.17509/t.v6i2.21273>
- M.Imamudin, Andryadi & Zulmuqim. (2020). Islamic Education in the Al-Quran and Sunnah: Study About the Meaning of Education and Implication for Educator. *Jurnal Educative: Journal of Educational Studies*. 5(1), 70-83.
- Mohamed, S., Jasmi, K. A., & Zailani, M. A.. (2016). Akhlak Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam (Teacher's Good Behaviour in Teaching and Learning the Islamic Education). *Akademika*. 86(2), 31-42.
- Mohd Nawi, M. Z., & Mohd Nor, M. A. (2020). Falsafah Dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Pandangan Tokoh Ilmuwan Islam: Imam Al-Qabisi. *Sains Insani*. 5(1), 132. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani>.
- Mohd Noor, A. F. & A Shukor, K. (2020). Kurikulum Pendidikan Islam Para Sahabat: Satu Sorotan. *Al-Munzir*. 12(2), 209-224. <https://doi.org/10.31332/am.v12i2.1474>
- Mohd Nawi, M. Z.. (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. *Journal of ICT in Education*, 7(2), 14-26.
- Musayyidi, M., & Rudi, A. (2020). Pendidikan Karakter Dalam Perspektif Islam (Urgensi dan Pengaruhnya Dalam Implementasi Kurikulum 2013). *Kariman*. 8(2), 261-278. <https://doi.org/10.52185/kariman.v8i02.152>
- Najib, H. M., , N. R. A., & Othman, N. (2017). E-pembelajaran dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Selangor. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education Revised*, 1(1), 74-82.
- Nasruddin. (2016). Implementasi Media Pembelajaran dalam Pendidikan Agama Islam. *Jurnal Darul Ilmi*. 04(01) 22-29.
- Nordin, A. B. & Othman, I. (2008). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Edisi Kedua. Tanjung Malim: Quantum books.
- Noordin, T. A. & Aini, N.. (2002). Pendidikan dan Pembangunan Manusia Pendekatan Bersepada. *As-Syabab Media*. Bandar Baru Bangi: Selangor Darul Ehsan.
- Nurdin, A. (2016). Inovasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Di Era Information and Communication Technology. *TADRIS: Jurnal Pendidikan Islam*, 11(1), 49. <https://doi.org/10.19105/tjpi.v11i1.971>
- Ramdani, R., Rahmat, M., & Fakhruddin, A. (2018). Media Pembelajaran E-Learning Dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. *Journal of Islamic Education*, 5(1), 45-59. <https://doi.org/10.17509/t.v5i1.13332>
- Razak, S. R. A., Hamzah, H., & Rashed, Z. N. (2016). Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak Pelajar. *Journal Of Social*

- Science And Humanities*. Special Issue 3, 100-110.
- Shaari, A. H., & Kamaluddin, M. R. (2019). Buli Siber : Ketidaksantunan Bahasa Dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia (Cyberbullying In Malaysia : Understanding Youngsters ' Ethics And Impoliteness Strategies In Social Media). *E-Bangi : Journal Of Social Sciences And Humanities*, 16(6), 1-16.
- Shahaimi, S., & Khalid, F. (2015). Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (VLE-FROG) di Sekolah-Sekolah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5*, 28–38.
- Sholichah, A. S. (2018). Teori-Teori Pendidikan dalam Al-Qur'an. *Edukasi Islami : Jurnal Pendidikan Islam*, 7(01), 23. <https://doi.org/10.30868/ei.v7i01.209>
- Soetari, E. (2014). Pendidikan Karakter dengan Pendidikan Anak Untuk Membina Akhlak Islami. *Pendidikan Universitas Garut*. 8(1), 116-147 ISSN: 1907-923x
- Sulaiman, E. (2012). *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Syahfitri. et. al. (2020). Implementasi e-Learning Pada Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Masa Pandemik Covid-19. *Al-Ulum Jurnal Pendidikan Islam*, 1(1), 44-54.
- Talib, N. A. A, Abdullah, M. U., & Salleh, M. A. M. (2017). Cabaran Dakwah Islam di Alam Siber. *e-Bangi Special Articles*. 14(7), 1-10.
- Tamuri, A. H. & Nor, S. M. H.. (2015). Prinsip Pembelajaran Aktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan*, 2(3). 28-42. <https://doi.org/10.1017/cbo9781107415324.004>
- Tamuri, A. H. & Jasmi, K. A. (2012). Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Tuah, A. H. M., Stapa, Z., & Munawar, A. (2012). Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition*. 23-35.
- Universiti, K., & Melaka, I. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal Of Human Capital Development (JHCD)*, 8(2), 83–100.
- Widiani, D. (2018). Konsep Pendidikan Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Murabby: Jurnal Pendidikan Islam*. 1(2), 185-196. <https://doi.org/10.15548/mrb.v1i2.321>
- Zainab et.al. (2019). Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia*. Fakulti Kejuruteraan Kimis dan Tenaga, UTM. 001-016.
- Zainal, N. A. S. & Mustari, M. I.. (2012). Penerapan Metod Dakwah di dalam Melaksanakan Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di dalam dan Luar Bilik Darjah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*. 51-69.
- Zazin, N., Zaim, M. (2019). Media Pembelajaran Agama Islam Berbasis Media Sosial Pada Generasi-Z. *Proceeding Antasari International Conference*. 1(1) 534-563.